

21 APR 1997

Annuar-Pemuda

ANNUAR: ISU PEMILIHAN PEMUDA UMNO TIDAK PERLU DITIMBULKAN

KOTA BAHARU, 21 April (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata tuduhan berlakunya penipuan semasa pemilihan jawatan Ketua Pemuda pada mesyuarat agung Umno yang lepas tidak sepatutnya ditimbulkan lagi.

Beliau yang juga antara calon yang bertanding bagi jawatan itu berkata langkah untuk "mengungkit" berhubung pemilihan itu hanya akan menghalang Ketua Pemuda sekarang Datuk Ahmad Zahid Hamidi daripada melaksanakan tugas serta melemahkan Umno.

"Pada saya perkara ini tak perlu dipanjangkan dan mereka yang bertanding dulu patut menyokong Zahid supaya parti Umno menjadi kuat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan seorang ahli Umno cawangan Medan Imbi Bukit Bintang, Khairuddin Abu Hassan yang menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas dengan mendakwa terdapat penipuan dalam pengiraan undi semasa pemilihan itu.

Annuar berkata sebarang bantahan dan rasa tidak puas hati sepatutnya diketengahkan seurus selepas pengumuman keputusan pemilihan dan bukannya sekarang selepas berbulan-bulan ia berakhir seolah-olah cuba untuk mengganggu pergerakan Pemuda sekarang.

Pada pemilihan itu, Zahid menang apabila mendapat 155 undi daripada keseluruhan 551 undi dengan mengalahkan penyandang jawatan itu Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (103 undi), Annuar (135 undi), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Samad (72) dan Abdul Rahman Salleh (satu undi)

Annuar juga tidak bersetuju dengan pandangan Ahmad Zahid supaya Majlis Tertinggi (MT) Umno menyiasat tuduhan itu kerana "pada pandangan saya perkara ini tidak perlu dilayan dan dibangkitkan malahan semua pihak patut menyokong kepimpinan Pemuda sekarang".

Beliau juga meminta ahli Umno supaya mengambil iktibar daripada pemilihan Agung Umno 1987, yang menyebabkan parti itu berpecah ekoran daripada rasa tidak puas hati mengenai keputusan yang diperolehi.

Mengenai terdapat pandangan bahawa Pemuda dan Wanita Umno sekarang tidak berfungsi baik seperti yang diharapkan, Annuar berkata semua pihak patut memberi peluang kepada kepimpinan yang ada kerana mereka baru sahaja dilantik.

"Kalau dia lemah kita beri kekuatan, kalau dia kurang kita tambah dan kalau dia kurang tenaga kira tawarkan bantuan, barulah semua boleh dibuat," katanya.

Beliau juga berkata sekiranya ada berlaku kesilapan teknikal dalam pengiraan itu semua pihak sepatutnya menghormati keputusan MT yang telah membuat keputusan muktamad. -- BERNAMA

RAR WAT